

Facebook sekadar medium tambahan - MEF

PENGGUNAAN rangkaian sosial maya, Facebook oleh majikan untuk menilai calon sekadar dijadikan sebagai medium tambahan dalam proses pengambilan pekerja.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan berkata, pendekatan itu amat bertepatan apabila majikan kini lebih berhati-hati membuat pemilihan.

"Facebook merupakan salah satu cara mereka membuat pemilihan calon dan bukan menumpukan mekanisme itu sepenuhnya.

"Ia sekadar menyumbangkan kira-kira 20 peratus kepada ketetapan maklumat mengenai calon dan selebihnya akan dinilai sewaktu sesi temuduga termasuk dokumen lain sebagai pengesahan rasmi," katanya kepada *Mingguan mStar*.

Pun begitu, langkah itu dapat menjimatkan kos dan masa majikan apabila hanya calon yang benar-benar layak akan dipanggil untuk hadir ke sesi temuduga.

Secara tidak langsung, katanya, ia akan mengecilkkan kebarangkalian dalam pemilihan sekaligus memudahkan majikan membuat

saringan dan penyenaian pendek.

Bagaimanapun, Shamsuddin tidak menafikan kaedah itu hanya akan menimbulkan ketirisan sekiranya majikan lebih menumpukan paras rupa dan personaliti calon.

"Ini sudah pasti menyekat peluang calon untuk mendapatkan pekerjaan. Bagaimanapun, bukan semua majikan bertindak demikian.

"Mereka sudah tentu akan memastikan calon yang diambil untuk bekerja itu benar-benar dapat memberi prestasi baik dan meningkatkan produktiviti syarikat," ujarinya.

Selain itu, penggunaan Facebook ebagai salah satu mekanisme dalam proses penilaian tidak membabitkan semua peluang pekerjaan yang ditawarkan majikan.

Menurut beliau, kebanyakan jawatan yang dinilai itu lebih menumpukan pengurusan memerlukan kelayakan berdasarkan pengalaman, pencapaian dan taraf pendidikan.

"Apa sahaja maklumat calon yang dipaparkan di Facebook dan cara mereka berkomunikasi secara



Shamsuddin Bardan

online turut memberi gambaran mengenai mereka," katanya.

Shamsuddin melihat mekanisme Facebook sebagai satu fenomena baru membantu para majikan membuat pemilihan calon pekerja berdasarkan keperluan mereka.

"Saya yakin kaedah ini akan diperluaskan pada masa akan datang kerana ketika ini sudah beberapa syarikat sudah pun melaksanakannya," katanya.